



**UCAPAN BAJET 2024
NEGERI MELAKA**

KANDUNGAN

4 MUKADIMAH

7 PRESTASI EKONOMI

8 BAJET 2024

10 AGENDA 1 PEMBANGUNAN EKONOMI YANG KOMPREHENSIF DAN MAMPAAN

- 10 Fokus 1:** Menjadikan Melaka Sebagai Negeri Mesra Pelabur
- 17 Fokus 2:** Membangunkan Melaka Sebagai Pusat Kecemerlangan TVET
- 18 Fokus 3:** Memperkasa Sektor Pelancongan Melalui Penganjuran TMM2024
- 25 Fokus 4:** Menyeferakan Pendigitalan 4G dan 5G
- 30 Fokus 5:** Membudayakan Seni, Warisan dan Budaya Negeri Melaka

35 AGENDA 2 KESAKSAMAAN SOSIAL DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

- 35 Fokus 6:** Memperkasa Inisiatif di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka

57 AGENDA 3 PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

- 57 Fokus 7:** Meningkatkan Prestasi Anak Syarikat Kerajaan Negeri
- 59 Fokus 8:** Menyedia Perkhidmatan Awam Yang Cekap dan Berkesan

66 PENUTUP

UCAPAN BAJET 2024 NEGERI MELAKA

oleh:

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Bin Yusoh
Ketua Menteri Melaka

ketika membentangkan
Rang Undang-Undang Perbekalan 2024

Di Dewan Undangan Negeri Melaka
Pada Isnin, 27 November 2023

Tema:

Menelusuri Warisan, Mengembalikan Kegemilangan

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadangkan agar satu Rang Undang-undang bernama “Suatu Enakmen Perbekalan 2024 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud perbelanjaan pengurusan tahun 2024” dibaca bagi kali kedua.

MUKADIMAH

BismillahirRahmanirRahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia, Menggamt Dunia,
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat dan
Salam Malaysia MADANI.

1. Arakian, dengan penuh takzim, patik bagi pihak Kerajaan dan sekalian rakyat jelata Negeri Melaka **menjunjung setinggi-tinggi kasih** kepada **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustaín Billah** yang akan menamatkan perkhidmatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 pada awal tahun hadapan.

**Indah nian singgahsana Raja,
Payungi rakyat aman sentosa;
Menjunjung kasih rakyat jelata,
Raja dan rakyat berpisah tiada.**

Daulat Tuanku!

2. Di kesempatan ini, dengan segala takzim, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka untuk mengucapkan **setinggi-tinggi tahniah** kepada **Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim** yang telah dipilih sebagai **Yang di-Pertuan Agong ke-17** berkuatkuasa mulai **31 Januari 2024**, dan **Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah** pula dipilih sebagai **Timbalan Yang di-Pertuan Agong**.

3. Di kesempatan ini juga, saya dan seluruh kepimpinan negeri serta sekalian rakyat di bumi bersejarah ini, turut merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, serta berdoa semoga negeri dan rakyat Melaka yang berada di bawah naungan **Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam** akan terus maju jaya serta dilimpahkan segala kerahmatan, keberkatan dan kesejahteraan jua hendak-Nya. Amin, Ya Rabbal Alamin. Kerajaan Negeri juga mengucapkan **setinggi-tinggi tahniah** di atas penganugerahan **Ijazah Kedoktoran Falsafah (PHD) dalam bidang Sejarah dan Arkeologi dari Universiti Malaya.**
4. Sejarah kegemilangan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka bermula pada abad ke-15 Masihi dan muncul sebagai sebuah pusat perdagangan pertemuan para pedagang timur dan barat di laluan strategik Selat Melaka untuk singgah berdagang. Kegemilangan Melaka turut dibantu oleh sistem pentadbiran yang sistematik serta kehebatan tokoh-tokoh pentadbir Melaka Bendahara Tun Perak, dan disuntik dengan semangat keperwiraan dan kebijaksanaan Hang Tuah serta keberanian Hang Jebat menjadikan Melaka terkenal di seantero dunia. Keagungan **empayar Kesultanan Melayu Melaka** juga telah membuka ruang pengiktirafan daripada **empayar Negara China** dan **hubungan** antara kedua-dua pihak terus **akrab** sehingga ke hari ini.
5. Mengambil kira semangat kegemilangan masa silam, saya juga telah menambah kata-kata **Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat** dalam pentadbiran di bawah kepimpinan saya sebagai kesinambungan kepada Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia. Di samping itu, menerapkan amalan nilai-nilai terpuji dalam **TONGGAK 11** yang diambil berdasarkan akronim **BIJAK** dan **BERANI**. Ia adalah manifestasi kepada semua pentadbir dan kakitangan Kerajaan Negeri Melaka agar menjiwai kehebatan dan ketokohan yang ada pada Laksamana Hang Tuah dan Hang Jebat. Penghayatan nilai-nilai dalam **TONGGAK 11** berupaya mencipta satu gerak kerja proaktif di seluruh jentera pentadbiran, agar ia dapat dipacu dengan lebih progresif dan dinamik dalam mencapai apa jua matlamat jabatan mahupun agensi.

**BIJAK Hang Tuah BERANI Hang Jebat,
Terkenal Melaka seantero dunia;
Aspirasi perpaduan jadi matlamat,
Bersama melakar kegemilangan Melaka.**

6. Kepada seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Melaka, ayuh bersama dengan kepimpinan saya mendokong aspirasi Kerajaan Perpaduan untuk terus memberikan khidmat bakti terbaik kepada rakyat. Walaupun saiz negeri kita kecil...tetapi model pentadbiran Kerajaan Perpaduan yang kita miliki sekarang amat signifikan kerana kestabilan yang terbina sejak Pilihanraya Negeri yang lepas sentiasa diperhatikan, malahan menjadi rujukan oleh pihak lain. Model politik yang stabil merupakan prasyarat untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih konsisten lagi mampan.
7. Oleh itu, marilah kita berpadu tenaga, seiring dan sekata, susah senang kita rintangi bersama...apa yang penting kita cipta bersama setiap kejayaan, mengangkat kembali kegemilangan Melaka yang satu ketika dahulu cukup terkenal di alam nusantara ini. Melaka telah muncul sebagai sebuah pusat perdagangan terpenting abad ke-15 di jalur laluan sutera maritim antarabangsa.

**Kita harus BIJAK merencana,
Agar aspirasi rakyat tidak dilupa;
Kita harus BERANI melaksana,
Agar kegemilangan kita lakar bersama.**

PRESTASI EKONOMI

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

8. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, **Kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Melaka** bagi tahun **2022** telah mencatatkan rekod sebanyak **45.5 bilion ringgit** dengan **Pendapatan per kapita** sebanyak **50,407 ringgit**.
9. Kadar pertumbuhan tahun **2022** telah **meningkat** ke **8.6 peratus** berbanding **2.1 peratus** pada tahun **2021**. Peningkatan ini disokong oleh **Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan** masing-masing menyumbang sebanyak **50.5 peratus** dan **37.2 peratus** kepada **KDNK Melaka**.
10. Kerajaan Negeri menyasarkan **KDNK** bagi **Negeri Melaka** akan **bertumbuh** kira-kira **4 hingga 5 peratus** pada **2023** sejajar dengan unjuran kadar KDNK nasional oleh Bank Negara Malaysia.
11. **Prestasi dagangan Melaka** pada tahun **2022** **meningkat** dengan jumlah dagangan naik **30.1 peratus** daripada **56 bilion ringgit** pada tahun **2021** kepada **72.9 bilion ringgit**.
12. **Kadar inflasi Negeri Melaka** berada pada paras terkawal iaitu **2.1 peratus** dicatatkan bagi bulan **Ogos 2023**, selari dengan **kadar nasional** iaitu pada paras **2 peratus**.
13. Sementara itu, **kadar pengangguran** Negeri Melaka bagi **suku ketiga tahun 2023** adalah **2.8 peratus**, iaitu lebih rendah berbanding **kadar nasional** yang berada pada paras **3.4 peratus**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 14.** Berdasarkan Bajet 2024, **hasil** Kerajaan Negeri dianggarkan berjumlah **479.6 juta ringgit** dengan pecahan, anggaran **Hasil Cukai** berjumlah **167.4 juta ringgit**, **Hasil Bukan Cukai** berjumlah **298.9 juta ringgit** dan **Terimaan Bukan Hasil** berjumlah **13.3 juta ringgit**.
- 15.** Kerajaan Melaka juga meneruskan inisiatif **bajet lebihan** atau *surplus budget*, dengan **anggaran Perbelanjaan Mengurus** berjumlah **479.5 juta ringgit**, iaitu bagi **Maksud Tanggungan** dianggarkan berjumlah **14.8 juta ringgit**, manakala bagi **Maksud Bekalan** dengan anggaran berjumlah **464.7 juta ringgit**.
- 16.** Di bawah **anggaran perbelanjaan pembangunan** pula, peruntukan adalah berjumlah **85 juta ringgit**, dengan pecahan **55.6 juta ringgit** merupakan **sumber hasil Negeri**, **28.4 juta ringgit** daripada **Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup** atau **Geran TAHAP** dan **Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT)** sebanyak **1 juta ringgit** daripada Kerajaan Persekutuan serta token sebanyak **20 ringgit** adalah pindahan daripada **Akaun Pinjaman Disatukan**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

**Pedang bangsawan di peti tenunan,
Dihantar paduka tanjaknya merah;
Padang Pahlawan saksi himpunan,
Isytihar merdeka di kota sejarah.**

- 17.** Sejarah telah membuktikan wujudnya negara Malaysia yang tercinta bermula di Negeri Melaka. Tanggal 20 Februari 1956, di bumi Melaka yang bertuah ini telah berlaku pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu daripada pihak British kerana prinsip penjajahan adalah di mana bumi dijajah, di situ bumi merdeka. Sebagai simbolik untuk mengembalikan nostalgia bersejarah ini, Kerajaan Negeri Melaka telah bersetuju untuk menjadikan **tarikh pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu** sebagai **cuti umum** bermula pada **20 Februari 2024**.
- 18.** Bermula pada tahun hadapan, Negeri Melaka akan mengadakan sambutan 2 acara penting termasuk terus meraikan Melaka sebagai Bandar Warisan Dunia yang diiktiraf oleh pihak UNESCO sejak tahun 2008 dengan pelbagai acara dan program yang telah dirancang bagi menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Negeri Melaka.
- 19.** Berasaskan kepada catatan sejarah kegemilangan Melaka pada abad ke 15 Masihi, **tema bajet 2024** yang diketengahkan oleh Kerajaan Negeri Melaka adalah **MENELUSURI WARISAN, MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN**. Dengan catatan sejarah kegemilangan Melaka yang terkenal seantero dunia hingga diberi gelaran *Venice of the East*, serta kekuatan yang dimiliki oleh Negeri Melaka khususnya terletak di laluan perkapalan tersibuk di dunia di Selat Melaka, dan tidak mustahil Negeri Melaka boleh kembalikan kegemilangannya seperti suatu masa dahulu.

**Silat warisan lima bersahabat,
Pencak pendekar pantang berduka;
BIJAK Tuah BERANI Jebat,
Menjulang masyhur Empayar Melaka.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 20.** Dalam merancang keperluan Bajet 2024, kesemua inisiatif yang akan dilaksanakan secara komprehensif dan inklusif, telah dicerakinkan kepada **3 agenda utama iaitu:**

Pertama: **Pembangunan Ekonomi Yang Komprehensif Dan Mampan**

Kedua: **Kesaksamaan Sosial Demi Kesejahteraan Rakyat**

Ketiga: **Peningkatan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam**

AGENDA 1: PEMBANGUNAN EKONOMI YANG KOMPREHENSIF DAN MAMPAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 21.** Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri akan memperhebatkan lagi agenda kemampunan ekonomi melalui pelbagai inisiatif untuk memastikan pembangunan Negeri Melaka terus berkembang demi kesejahteraan negeri dan rakyat Melaka.

FOKUS 1: MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI NEGERI MESRA PELABUR

- 22.** **Sektor industri pembuatan** merupakan **sektor kedua terbesar** yang **menyumbang kepada 37.2 peratus KDNK Negeri Melaka**. Pada masa ini, terdapat **22 kawasan industri** di Melaka yang mana 12 dibangunkan oleh Perbadanan Melaka atau MCORP dan selebihnya oleh pihak swasta.

- 23.** **Statistik** Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2023 menunjukkan penduduk Melaka berjumlah **1.03 juta orang** dan seramai **445.4 ribu** orang atau **43.2 peratus** merupakan tenaga kerja yang terlibat **di dalam pelbagai industri** seperti **sektor pembuatan, perdagangan, penginapan dan perkhidmatan**.

STRATEGI 1: MENARIK PELABURAN BERIMPAK TINGGI

- 24.** Pada tahun **2022**, Kerajaan Negeri telah berjaya mencapai matlamat dalam menarik **Pelaburan Asing Langsung (FDI)** dan **Pelaburan Domestik** berjumlah **8.6 bilion ringgit** iaitu pencapaian **tertinggi berbanding tahun-tahun sebelum ini**. Sehingga **suku kedua tahun 2023**, laporan *Malaysian Investment Development Authority* atau MIDA telah mencatat Pelaburan FDI dan Domestik sebanyak **4.05 bilion ringgit** telah diterima oleh Negeri Melaka.
- 25.** Antara pelaburan baharu adalah pelaburan tambahan berjumlah **1 bilion ringgit** daripada **Koa Denko Malaysia Sdn. Bhd.**, pembekal elektronik global dari Jepun dalam pembuatan cip, mikrocip dan elektronik di kawasan **seluas 8.4 hektar di Ayer Keroh Eco Park**. Projek dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025 dan bakal **menyediakan** kira-kira **950 peluang pekerjaan** mulai **tahun 2025** dan diunjurkan meningkat kepada **1,820 peluang pekerjaan menjelang tahun 2028**. Koa Denko Malaysia Sdn. Bhd. telah bertapak di Malaysia selama 50 tahun dan menyasarkan untuk menghasilkan pengeluaran 8.2 bilion keping cip perintang setiap bulan menjelang tahun 2028.
- 26.** Negeri Melaka telah mencatat sejarah sebagai **negeri pertama di Malaysia yang mempunyai kilang Kenderaan Cekap Tenaga (EEV) dan Kenderaan Elektrik (EV) di Taman Perindustrian HICOM** dengan pelaburan berjumlah **100 juta ringgit**. Ia menjadi pelopor kepada pembangunan kenderaan elektrik negara sekaligus merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara rendah karbon menjelang tahun 2025.
- 27.** Kestabilan politik negeri Melaka yang dipacu oleh Kerajaan Perpaduan terus meyakinkan para pelabur untuk terus meningkatkan pelaburan masing-masing berdasarkan statistik pelaburan yang masuk ke negeri Melaka untuk 2 tahun kebelakangan ini. Pelaburan tersebut telah memberi peluang kepada kira-kira **170 ribu rakyat tempatan untuk bekerja dalam industri pembuatan**.

Inisiatif: Kesiapsiagaan Kawasan Industri

28. Kerajaan Negeri sedang menyediakan kawasan industri yang baharu untuk menarik pelaburan berimpak tinggi, antaranya:

Pertama: **MCORP Hi Tech Park** merupakan pembangunan sebuah bandar baharu berkonsepkan *Live, Learn, Work and Play* di kawasan seluas 5,000 ekar di Daerah Alor Gajah yang melibatkan 5 zon industri iaitu pembangunan industri berteraskan semikonduktor, elektrikal dan elektronik; industri berteraskan pusat pengedaran global, logistik dan pergudangan; industri automotif, aeroangkasa dan komponen perkapalan; industri farmaseutikal dan peranti perubatan; serta industri bercampur dan fasiliti. Pembangunan Fasa 1 melibatkan kawasan seluas 2,692.4 ekar dengan anggaran kos berjumlah **2.1 bilion ringgit** melibatkan kerjasama dengan pihak swasta. Secara keseluruhan, sebanyak **30,000 peluang pekerjaan** bakal diwujudkan di kawasan industri tersebut.

Kedua: Hasil lawatan kerja Kerajaan Negeri ke Jerman pada bulan Mei yang lalu secara tidak langsung telah mengilhamkan cadangan penubuhan **German Technology Park (GTP)**. Sebanyak 11 syarikat yang sedang beroperasi di Negeri Melaka seperti *Infineon Technologies*, *Muehlbauer ID Services* dan *Leuze Electronic* akan menambah pelaburan baharu sebanyak 3.6 bilion dalam tempoh 2 hingga 3 tahun akan datang. Selain itu, terdapat beberapa syarikat baharu Jerman yang berpotensi turut menunjukkan minat untuk melabur di Negeri Melaka.

German Technology Park adalah pembangunan di kawasan seluas lebih 900 ekar di Ayer Keroh. Pembangunan Fasa 1 adalah menerusi usahasama dengan pihak swasta di kawasan

seluas 304 ekar dengan anggaran kos pembangunan berjumlah **227.8 juta ringgit** yang bakal menempatkan 20 hingga 30 syarikat pelabur. *German Technology Park* yang akan dibangunkan ini mampu mewujudkan sebanyak **10,000 peluang pekerjaan**.

Ketiga: **Kawasan Perindustrian Elkay 2.0** merupakan kesinambungan kepada kawasan industri Fasa 1 seluas 500 ekar. Kerajaan Negeri menawarkan pembangunan industri baharu di atas sebidang tanah bersebelahan Fasa 1 berkeluasan 601.7 ekar dengan anggaran kos pembangunan berjumlah **424.6 juta ringgit**. Kawasan yang bakal dibangunkan ini menawarkan Industri Sederhana di dalam bidang Kenderaan Elektrik dan farmaseutikal serta Industri Berteknologi Tinggi yang bakal mewujudkan sebanyak **5,000 peluang pekerjaan**.

Keempat: *Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)* telah ditambah baik dengan diberi nama baharu iaitu *Straits of Melaka Waterfront Economic Zone (SM-WEZ)*. Pembangunan di kawasan tambak laut seluas 25,000 ekar merangkumi 6 nukleus yang diklasifikasikan sebagai nukleus (A) *Controlled Zone*, (B) *Melaka Harbourfront*, (C) *Smart Logistic Nucleus*, (D) *Digital Satellite Township*, (E) *Central Eco Business Park* dan (F) *Trade Nucleus*. Kawasan ini dijangka berpotensi menerima pelaburan berimpak tinggi yang dianggarkan sebanyak 100 bilion ringgit yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan KDNK Negeri Melaka. Sebanyak **5,000 peluang pekerjaan** bakal diwujudkan setiap tahun menerusi pembangunan SM-WEZ.

Kelima: Meneruskan **Pembangunan Industri Halal** menerusi *Melaka Halal Hub di Serkam* sebagai **Pusat Industri Halal pertama di Malaysia** yang menyediakan ruang kilang serta berperanan membantu proses mendapatkan **pensijilan Halal dan Amalan**

Perkilangan Baik serta perkhidmatan promosi di platform digital. Selain itu, **Universiti Melaka akan melaksanakan kursus berkaitan halal** seperti Kursus Induksi Sembelihan (Sijil Tauliah Sembelihan) yang menyediakan tenaga kerja rumah sembelihan tempatan dan luar negara seperti Brazil, Australia dan New Zealand.

Inisiatif: Ease of Doing Business

- 29.** Dalam usaha memudahcara urusan perniagaan dan pelaburan di Negeri Melaka, Kerajaan Negeri komited untuk menambahbaik proses kerja agar lebih cepat, efisien dan mesra pelabur. Antaranya:

Pertama: **Melaka Industrial Booster** di bawah **Invest Melaka Berhad** membolehkan **proses permohonan kelulusan pelan pemajuan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dipercepatkan daripada 12 peringkat kepada 6 peringkat** dengan tempoh masa proses kelulusan dapat dikurangkan.

**Tinggi-tinggi si matahari,
Anak kerbau mati tertambat;
Dulu lulus 180 hari,
Sekarang 30 hari dah boleh dibuat.**

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah melancarkan Manual Pelaksanaan *Melaka Industrial Booster* pada 24 November 2023 dan akan diikuti oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan lain bergantung kepada ketersediaan masing-masing selewat-lewatnya pada suku pertama tahun 2024.

Kedua: **Penyelarasan Penyediaan Kajian Impak Pembangunan di kawasan SM-WEZ.** Kawasan tambakan di SM-WEZ telah dimulakan sejak tahun 1970-an lagi. Pada masa ini, hanya **32**

peratus sahaja yang telah ditambah dan 16.8 peratus sahaja yang telah dibangunkan dengan projek perumahan, perniagaan, perkhidmatan kesihatan dan perhotelan.

Kerajaan Negeri akan melaksanakan **Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) secara berkelompok di kawasan SM-WEZ dengan peruntukan berjumlah 1 juta ringgit.**

Ketiga: Pada tahun 2023, satu **Kajian Infrastruktur dan Utiliti** telah dilaksanakan dan **draf akhir laporan kajian tersebut akan dibentangkan pada bulan Disember ini.**

Keempat: **Pengurangan Caj Borang Deklarasi Kastam** secara progresif daripada **10 ringgit kepada 6 ringgit** bagi jumlah perisyntiharhan kastam melebihi 5,000 borang setiap bulan kepada setiap pengilang di Kawasan Perindustrian Zon Bebas. Selain itu, **pemansuhan Caj Antara Zon di dalam Kawasan Perindustrian Zon Bebas Batu Berendam** bagi pergerakan barang antara syarikat yang sama **mulai Januari 2024.**

Inisiatif: Penambahbaikan Kebajikan Pekerja

30. Kerajaan Negeri menyasarkan sekurang-kurangnya **40 buah bangunan Centralised Labour Quarters (CLQ)** siap **dibina menjelang tahun 2025.** Keseluruhan bangunan CLQ tersebut **mampu menempatkan lebih 40,000 pekerja asing** di negeri ini. Pada masa ini, sebanyak 13 kuarters atau asrama telah dibangunkan yang menempatkan 11,273 orang pekerja di beberapa lokasi seperti di Batu Berendam, Bukit Beruang, Ayer Keroh, Merlimau dan Durian Tunggal yang berhampiran kawasan perindustrian.

31. Walau bagaimanapun, jumlah buruh kini mencecah 63,500 orang dan Kerajaan Negeri sedang berusaha mendapatkan kerjasama daripada syarikat swasta untuk membangunkan lebih banyak CLQ. Berdasarkan perancangan

tersebut, Kerajaan Negeri yakin Melaka bakal menjadi negeri contoh dalam pengurusan penempatan buruh dengan penginapan lebih kondusif, terancang dan selamat.

Inisiatif: Kepelbagaian Aktiviti Ekonomi

32. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah proaktif untuk terus menyokong pelbagai sektor ekonomi yang berpotensi untuk merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka. 3 sektor iaitu pertanian, perlombongan dan harta tanah turut menyumbang kepada KDNK Negeri Melaka. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan untuk memperkasakan sektor tersebut termasuklah:

Pertama: Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek perintis iaitu **Projek Pengeluaran Benih Padi Sah di Mukim Merlimau** dengan peruntukan sebanyak **300 ribu ringgit**. Projek ini akan memberi **maafaat kepada seramai 400 orang petani yang melibatkan kawasan sawah padi seluas 1,589 hektar**.

Kedua: **Industri Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE)** akan dibangunkan di Negeri Melaka. **Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan penjelajahan** yang melibatkan kawasan seluas **2,250 hektar**.

Ketiga: Kerajaan Negeri Melaka melaksanakan **kawalan harga perumahan** bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat Melaka terjamin dengan memiliki rumah idaman. Antaranya adalah:

- **Penyediaan 50 peratus komposisi rumah dengan harga di bawah 400 ribu ringgit.**
- **Pemberian diskon ke atas harga rumah bagi perumahan berstatus Tanah Adat Melaka (MCL) di antara 5 peratus hingga 10 peratus.**

FOKUS 2: MEMBANGUNKAN MELAKA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN TVET

33. Kajian *Future of Jobs Report 2023* yang baru sahaja diterbitkan oleh **World Economic Forum** menyatakan bahawa **dalam tempoh 5 tahun** akan datang, sebanyak **69 juta pekerjaan baharu** akan terhasil **daripada bidang TVET**. Laporan tersebut juga menekankan bahawa **41 peratus** daripada tenaga kerja dalam pasaran pada tahun 2023 ini mestilah **dilatih semula atau ditingkatkan kemahirannya menjelang tahun 2027**.

STRATEGI 2: MEMPERLUAS PROGRAM TVET YANG RELEVAN DENGAN KEPERLUAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

34. Dalam membangunkan Negeri Melaka sebagai **Pusat Kecemerlangan TVET** atau **TVET Centre of Excellence**, salah satu inisiatif Kerajaan Negeri adalah mengadakan **Karnival Pendidikan dan Kerjaya TVET pada 25 hingga 26 November 2023**. Saya telah mendapat maklum balas yang positif daripada pelbagai pihak yang terlibat dalam karnival tersebut. Justeru itu, **Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan karnival seumpama ini pada tahun hadapan.**

Inisiatif: Pembangunan Bakat Tempatan

35. Terdapat **23 institusi TVET** di Melaka termasuk Politeknik, Kolej, Institut Latihan Perindustrian, Pusat Latihan dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka iaitu universiti awam teknikal pertama di Malaysia. Antara inisiatif yang dilaksanakan bagi pembangunan bakat tempatan melalui TVET termasuklah:

Pertama: Majlis TVET Melaka berkolaborasi dengan Majlis TVET Negara khususnya dalam mempromosikan institusi TVET di

negeri ini dan mewujudkan pangkalan data untuk memastikan tadbir urus TVET Negeri Melaka lebih sistematik dan menonjol.

Kedua: **Kepelbagaian kursus yang terdapat di institusi TVET Melaka** seperti ***Advanced Technology Training Centre, Institut Kemahiran MARA*** dan **Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Alor Gajah.**

Inisiatif: Kerjasama Industri

36. Kerjasama di antara institusi TVET dan pihak industri amat penting dalam memperkasakan industri TVET. Pendekatan yang akan dilaksanakan, antaranya:

Pertama: **Kerjasama di antara kedua pihak dalam merangka silibus bagi memenuhi keperluan industri** terutama dalam bidang automotif, elektrik dan elektronik, pembuatan dan teknologi tinggi. Selain itu, kursus-kursus kemahiran *upskilling* dan *reskilling* juga boleh dilaksanakan dalam pelbagai bidang seperti industri halal, kulinari dan sijil-sijil lain yang diperlukan oleh industri.

Kedua: **Latihan industri** melibatkan kerjasama di antara institusi TVET dan pihak industri di Melaka untuk **meningkatkan peluang pekerjaan** dalam kalangan graduan TVET.

FOKUS 3: MEMPERKASAKAN SEKTOR PELANCONGAN MELALUI PENGANJURAN TAHUN MELAWAT MELAKA 2024 (TMM2024)

STRATEGI 3: MEMACU INDUSTRI PELANCONGAN MELAKA SEBAGAI DESTINASI PILIHAN UTAMA

**Cantik berseri bunga cempaka,
Wangi semerbak bunga melati;
Tahun hadapan lawat Melaka,
Rakyat Melaka sedia menanti.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 37. Sehingga Oktober 2023**, seramai **1.8 juta pelancong yang bermalam** dan **3.6 juta pengunjung harian** telah datang ke Negeri Melaka. Daripada keseluruhan 5.4 juta pelancong dan pengunjung tersebut, seramai **4.5 juta orang atau 84.5 peratus adalah pelancong dan pengunjung domestik** manakala seramai **0.8 juta orang atau 15.5 peratus adalah pelancong dan pengunjung asing**. Negeri dan negara utama yang menyumbang kepada statistik tersebut adalah dari Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Negeri Sembilan, manakala dari luar negara adalah Singapura, Indonesia, China, India, Hong Kong dan Taiwan. Kerajaan Negeri optimis untuk mencapai **sasaran** seramai **8.4 juta pelancong dan pengunjung** ke Negeri Melaka pada **tahun ini**.

Inisiatif: Tahun Melawat Melaka 2024

- 38.** Untuk merancakkan lagi aktiviti pelancongan yang mula memulih pasca pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Tahun Melawat Melaka 2024. TMM2024 berpotensi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka khususnya ekonomi rakyat melalui pelbagai inisiatif yang telah dirancang. Kepelbagaian pengisian program dan kerancakan promosi TMM2024, Kerajaan Negeri percaya **sasaran** seramai **18.7 juta orang terdiri daripada seramai 7.2 juta orang pelancong dan 11.5 juta orang pengunjung** ke Negeri Melaka mampu dicapai.
- 39.** Sempena TMM2024, lokasi pelancongan seperti Sungai Melaka akan berwajah baru dengan warna warni mural di bangunan kiri kanan sungai, payung putih moden serta bot yang berwarna warni bakal menyambut pelancong dan

pengunjung. Bagi memeriahkan lagi TMM2024, Kerajaan Negeri akan menyediakan ***Melaka Heritage and Cultural Park Centre Pavillion*** di ***Padang Dataran Pahlawan Melaka Megamall, Banda Hilir*** dan *downtown* baharu akan diwujudkan di hadapan Dataran Pahlawan.

40. Kerajaan Negeri juga akan mengadakan **Sambutan Karnival Islamik Antarabangsa Melaka** sempena TMM2024 dengan pengisian Karnival Islamik Melaka, *Havoc Street Food Festival* dan Bandaraya Melaka Berselawat pada **28 Disember 2023 hingga 1 Januari 2024 di Stadium Hang Jebat**.
41. **Majlis Pelancaran TMM2024** pada 31 Disember 2023 juga akan lebih meriah dan mencatat satu sejarah tersendiri buat Negeri Melaka kerana buat julung-julung kalinya ia akan **berlintas langsung dengan Wilayah Guanxi, China**. Wilayah Guanxi mempunyai **penduduk** seramai **58 juta orang** sebagai salah satu kaedah bagi menarik lebih ramai pelancong China. Negeri Melaka telah diberi penghormatan untuk bersiaran secara langsung dengan Wilayah Guanxi, China pada 31 Disember ini.

Inisiatif: Acara Pelancongan Utama

42. **Sempena TMM2024**, Kerajaan Negeri telah merancang **70 acara** yang bakal memberi kepuasan berganda kepada pelancong. Antara acara yang telah disusun termasuklah:
 - Pesta Gendang Nusantara 2024 pada 1 hingga 6 Januari di Dataran MBMB, Ayer Keroh.
 - Pengkisahan Detik Kemerdekaan Bersama Tunku Abdul Rahman pada 20 Februari di Jalan Kota, Banda Hilir.
 - Pertandingan Memancing dan Pertandingan Masakan Ikan Air Tawar pada 25 Februari di Sungai Melaka.
 - *Malakka Dutch Week 2024* pada 22 hingga 28 April di Kompleks Sejarah, Jalan Kota. *Malakka Dutch Week* ini akan dilaksanakan melalui kerjasama dengan Kerajaan Belanda.

- Melaka International Travel Mart 2024 pada 24 hingga 26 Mei di MITC Ayer Keroh.
- 43.** **Kalendar acara pelancongan** tahun 2024 yang dirancang di *Melaka Heritage and Cultural Park Centre Pavillion* mengikut **tema** pada **setiap bulan** adalah seperti berikut:
- | | |
|-------------------|--|
| Januari: | Pelancongan Budaya – 7 Wonders of Melaka |
| Februari: | Pelancongan Sejarah – Back To History |
| Mac: | Pelancongan Agama dan Pendidikan sempena bulan Ramadhan |
| April: | Pelancongan Keluarga – Kids Maniac |
| Mei: | Pelancongan Sukan dan Rekreasi – Let's Fit Together |
| Jun: | Pelancongan Agro |
| Julai: | Pelancongan Warisan – Our Heritage Our Pride |
| Ogos: | Bulan Patriotik Negara – Malaysia MADANI |
| September: | Pesta Bunga – Everlasting Blooms |
| Oktober: | Pelancongan Kesihatan – We Care For You |
| November: | Pelancongan Makan-Makan – Festival Makan-Makan |
| Disember: | Pelancongan Membeli-Belah – Year End Sales Celebration |
- 44.** Harapan Kerajaan Negeri, kepelbagaian acara yang dirancang akan dapat menarik lebih ramai pelancong dan pengunjung pada tahun hadapan, dan tentunya memberi impak yang positif kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan rakyat.

Inisiatif: Kepelbagaian Produk Pelancongan Baharu

- 45.** Pengenalan produk pelancongan baharu di Melaka akan mempelbagaikan landskap pelancongan dan menarik pelancong dan pengunjung dengan minat yang berbeza. Antara produk pelancongan baharu:

- Pertama:** Aktiviti riadah dan sukan air seperti **perahu naga dan kanu** di **Sungai Melaka Fasa 2 sepanjang 5.2 kilometer bermula dari Taman Rempah ke Batu Hampar.**
- Kedua:** **Floating market** di **Pengkalan Rama** melibatkan **10 hingga 30 buah bot.**
- Ketiga:** Sektor ekopelancongan Negeri Melaka bakal dirancakkan lagi dengan pembukaan **Cruise Sungai Linggi dan Restoran Terapung Sungai Linggi** di **DUN Ayer Limau** yang akan dilancarkan pada **21 Disember 2023.**
- Keempat:** **Pakej Ekopelancongan Paya Lebar** yang menawarkan tarikan hutan paya bakau serta lokasi menarik di Masjid Tanah seperti **Taman Anggur Amanda Putri.**
- Kelima:** **Caravan Park and Glamping** sebagai **produk baharu** di kawasan **Sungai Linggi dan Bukit Serindit** yang boleh digunakan oleh pemilik kenderaan rekreasi atau **Recreational Vehicle.**
- Keenam:** **Pelancongan Geopark** di 4 lokasi iaitu **Tanjung Tuan, Pulau Besar, Pulau Upeh dan Pulau Undan.**
- Ketujuh:** **Taman Laut Melaka** di **Pulau Undan, Pulau Dodol dan Pulau Nangka** yang telah diwartakan pada **4 April 2023.**
- Kelapan:** Keindahan laut Selat Melaka dengan pulau-pulau akan diterokai dengan aktiviti **cruise** dan **island hopping.**
- Kesembilan:** **Kompleks Ayer Panas Gadek** telah dinaiktaraf dengan pelbagai komponen seperti **chalet, kolam air panas keluarga**

dan individu, theme park, perkhidmatan rawatan kecantikan *spa and wellness*.

Inisiatif: Program Kerjasama Strategik

- 46.** Program kerjasama strategik adalah langkah penting dalam menggerakkan industri pelancongan Melaka.

Pertama: Kerajaan Negeri mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di atas pemilihan Negeri Melaka sebagai tuan rumah mewakili Malaysia sempena **Hari Pelancongan Sedunia** dan **Persidangan Pelancongan Sedunia pada tahun 2025**. Sebanyak **155 negara bakal berkumpul di Melaka bagi menjayakan acara yang diadakan secara tahunan** itu. Kedua-dua program ini merupakan kesinambungan kepada penganjuran TMM2024 sekali gus dapat merancakkan lagi sektor pelancongan di Negeri Melaka.

Kedua: Kerajaan Negeri Melaka menjalankan kerjasama strategik dengan **Kumpulan Media Prima Berhad (MPB)** yang dilantik sebagai **rakan media rasmi TMM2024**.

Ketiga: **Kerjasama strategik** bersama dengan pemain industri pelancongan sempena TMM2024 yang akan diperkenalkan termasuklah:

- **Kupon Cabutan Bertuah** untuk setiap pelancong yang menginap di hotel-hotel terpilih dalam Melaka selama 2 malam.
- **Kupon Diskaun TMM2024** diberikan sepanjang tahun 2024 bagi tempat-tempat tarikan pelancongan di Melaka.

- **Pakej Keluarga TMM2024** yang mengandungi 4 lokasi pelancongan iaitu *Melaka River Cruise*, Menara Taming Sari, Muzium dan Galeri Melaka serta Zoo Melaka dan Taman Burung.
- Pelbagai pakej pelancongan seperti **Pakej Warisan** dan **Pakej Golf**.

Keempat: Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada semua **pemain industri** pelancongan yang **menyertai pakej pengiklanan** di **bot *Melaka River Cruise***.

Inisiatif: Promosi Pelancongan

47. Dalam usaha merancakkan lagi aktiviti pelancongan Negeri Melaka, Kerajaan Negeri telah merencanakan pelbagai inisiatif promosi termasuklah:

Pertama: Pemilihan seramai **300 orang sukarelawan** sebagai **Tourism Consultant** yang bakal mempromosikan produk pelancongan yang akan dilatih dengan pelbagai latihan untuk menggantit pelancong datang ke Melaka. Sukarelawan ini juga digalakkan untuk belajar bahasa-bahasa asing supaya dapat meraikan pelancong-pelancong yang datang dengan memberikan bantuan dan penerangan. Insentif khas juga akan disediakan kepada sukarelawan tersebut.

Kedua: Hadiah **Cabutan Bertuah TMM2024** pada **setiap 3 bulan sekali sepanjang TMM2024** dengan penyertaan berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan. Hadiah yang disediakan berupa 4 buah kereta yang disumbangkan oleh pemain-pemain industri serta hadiah-hadiah sampingan lain. Pelancong yang menginap di Melaka berpeluang untuk menyertai cabutan bertuah dan berpeluang memenangi sebuah kereta setiap 3 bulan sebagai hadiah utama.

Ketiga: Bagi tujuan meningkatkan **keselamatan** dan keyakinan **pelancang di Bandar Melaka**, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Polis Diraja Malaysia akan bekerjasama dengan mengadakan **rondaan dan omni-presence menggunakan buggy dan e-mobiliti segway**. Selain itu, **sukarelawan paramedik komuniti** juga akan **ditempatkan di beberapa lokasi terpilih**.

Keempat: Pelbagai hadiah menarik disediakan bagi setiap **pertandingan yang dianjurkan sepanjang TMM2024**. Antaranya:

- **Pertandingan fotografi** berunsurkan identiti kesenian, kebudayaan dan sejarah Melaka.
- **Pertandingan TikTok Melaka** untuk menviralkan pelbagai keunikan makanan dan tempat menarik di Melaka.
- **Pertandingan memancing** berskala lebih besar dengan sasaran penyertaan kaki pancing lebih 3,000 orang akan dianjurkan pada 20 Februari 2024.
- **Melaka Marathon 2024** pada 26 hingga 27 Oktober 2024 di Dataran Klebang, Melaka.

FOKUS 4: MENYEGERAKAN PENDIGITALAN 4G DAN 5G

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 48.** Dengan perkembangan global dunia digital tanpa sempadan, pendigitalan 4G dan 5G perlu dilaksanakan segera supaya Negeri Melaka mampu untuk terus bersaing dalam pelbagai bidang.

STRATEGI 4: MEMPERCEPAT PROSES DIGITALISASI

- 49.** Kerajaan Negeri menekankan inisiatif pintar khususnya dari segi penyediaan infrastruktur digital hingga kepada pemerkasaan data sebagai tunjang utama dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Inisiatif: Infrastruktur Digital

- 50.** Kerajaan Negeri melalui Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. komited untuk menyediakan **liputan telekomunikasi** 4G dan 5G yang meluas dan stabil di Negeri Melaka. Setakat **Oktober 2023**, **liputan 4G** di kawasan berpenduduk adalah **99.8 peratus**. Selain itu, sebanyak 142 tapak telah siap dibangunkan dimana ketersediaan **5G** telah mencapai **72.1 peratus** liputan di kawasan berpenduduk. Menjelang **Disember 2023**, liputan 5G di kawasan berpenduduk dijangka mencapai kadar **89.5 peratus** merangkumi 275 lokasi di seluruh negeri Melaka.
- 51. Projek Penyediaan Hab Infrastruktur Gentian Optik Luar Bandar** Berhampiran Sekolah dan Kawasan Perindustrian (*Point of Presence - PoP*) di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital melibatkan 31 lokasi iaitu **6 di Alor Gajah, 16 di Jasin dan 2 di Melaka Tengah**. Projek ini telah mencapai 80 peratus dan dijangka siap menjelang suku pertama 2024. Pada tahun 2024, sebanyak **23 lokasi tambahan projek gentian optik** akan dilaksanakan di bawah inisiatif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- 52.** Kerajaan Negeri juga menyediakan perkhidmatan **Wifi percuma** di **kawasan tumpuan awam** dengan kos berjumlah **500 ribu ringgit**.

Inisiatif: Platform Digital dan Aplikasi Pintar

- 53.** Platform Digital dan Aplikasi Pintar yang sedang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri adalah aplikasi **Melaka Super App** yang akan **diintegrasikan bersama**

4 aplikasi lain iaitu *Melaka Pay*, *Smart Vehicle Parking*, Sistem Respon Rakyat Melaka dan *Melaka eXcess*.

Inisiatif: *Smart Melaka*

- 54.** Kerajaan Negeri mengadaptasi **konsep *Smart Melaka*** sebagai pendekatan dalam membawa Negeri Melaka ke arah pembangunan masa depan yang mampan, berdaya huni dan pintar. Berpandukan kepada ***Blueprint Smart Melaka 2035***, elemen bandar pintar dilaksanakan menerusi komponen ***Smart Living and Security*, *Smart Mobility*, *Smart Public Transport* dan *Smart River***.
- 55.** Pada awal November, Kerajaan Negeri telah menyertai *Smart City Expo World Congress 2023* di *Fira de Barcelona*, Sepanyol yang menghimpunkan lebih 1,000 syarikat antarabangsa dari 140 buah negara. Saya berpeluang memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang dilaksana oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kerangka *Blueprint Smart Melaka 2035*. Selain itu, saya sendiri juga terlibat dalam Sesi Meja Bulat bersama para pemain industri dari Barcelona dan Malaysia dalam mempromosikan Malaysia sebagai Hab Digital Penyelesaian Bandar Pintar di ASEAN. Kerajaan Negeri berharap agar turut terpilih sebagai destinasi pelaburan baharu oleh rakan-rakan strategik *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* dan pelabur berpotensi khususnya di kawasan pembangunan *Straits of Melaka Waterfront Economic Zone*.

Inisiatif: *Cashless Melaka*

- 56.** Kerajaan Negeri menggalakkan **pembayaran tanpa tunai** di bawah inisiatif *Cashless Melaka* dalam kalangan para peniaga dan peruncit dengan memperkenalkan **syarat baharu lesen perniagaan**. **Program *Walkabout Cashless Melaka* diteruskan untuk mengembangkan inisiatif ini kepada sektor-sektor lain.**

Inisiatif: Pemerkasaan Data

- 57.** Antara inisiatif pemerkasaan data yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah **memperluas** kandungan **Melaka Digital Command Centre** dan **Pusat Pangkalan Data Raya Negeri Melaka** bagi meneroka potensi analitis data raya untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

STRATEGI 5: MENERAPKAN BUDAYA DIGITAL

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif: Celik Digital

- 58. Penilaian Celik Digital Penjawat Awam** Tahun 2023 di peringkat Negeri Melaka telah mencapai **100 peratus** melibatkan 4,302 orang **penjawat awam** Negeri Melaka. Kerajaan Negeri juga menyediakan pelbagai inisiatif untuk rakyat Melaka memanfaatkan teknologi digital:

Pertama: **Kampung Digital** buat **julung-julung kali diperkenalkan di Malaysia** oleh Kerajaan Negeri bertujuan untuk meningkatkan kemajuan sosial, ekonomi dan teknologi dalam kalangan penduduk-penduduk kampung.

Inisiatif ini bertujuan untuk **mengatasi isu ketiadaan alamat rumah yang jelas dan tersusun**. Antara faedah kepada penduduk kampung tradisional adalah dalam aspek pengurusan, penghantaran dan lain-lain perkhidmatan berkaitan alamat rumah. Kelebihan lain adalah dari segi pengumpulan data termasuk jumlah sebenar rumah di Negeri Melaka dan juga sempadan kampung sebenar. **Setiap premis di kampung** tersebut akan **dilengkapi dengan QR-Code**.

Projek perintis melibatkan 2 buah kampung daripada setiap daerah telah selesai dilaksanakan iaitu:

- Kampung Pulau dan Kampung Seri Jeram bagi Daerah Alor Gajah.
- Kampung Tanjung Minyak dan Kampung Paya Rumput bagi Daerah Melaka Tengah.
- Kampung Lipat Kajang dan Kampung Tersusun Datuk Md Hidhir, Lipat Kajang bagi Daerah Jasin.

Kerajaan Negeri dalam proses mendaftarkan hak cipta Kampung Digital melalui MyIPO. Selain itu, perjumpaan bersama Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah telah diadakan untuk meneruskan pelaksanaan Kampung Digital pada tahun 2024. Harapan Kerajaan Negeri agar pihak kementerian dapat menjadikan Kampung Digital sebagai satu model pelaksanaan alamat kampung bersistematik dan boleh diangkat sebagai contoh mendigitalkan kampung tradisional di seluruh Malaysia.

Kedua: Kerajaan Negeri turut mencadangkan inisiatif baharu **E-mel Khas Rakyat Melaka** iaitu **@melaka.my** dalam usaha untuk mendigitalkan rakyat. Sebanyak 250 ribu akaun pengguna disediakan dalam fasa pertama bermula Jun 2024, akan dijadikan syarat wajib kepada **pemimpin masyarakat, pelajar sekolah menengah sehingga mahasiswa di institusi pengajian tinggi, pendidik serta pekerja industri**. Selaras dengan pelaksanaan Kampung Digital, setiap rumah juga akan diberi satu akaun e-mel.

Inisiatif ini penting untuk menyampaikan maklumat mengenai dasar-dasar Kerajaan yang mudah diakses serta responsif terhadap keperluan dan kebajikan rakyat. Inisiatif ini akan **bermula setelah semua kajian selesai dilaksanakan**.

Ketiga: Selain itu, peruntukan berjumlah **100 ribu ringgit** juga disediakan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti termasuk latihan di bawah **Program Rakyat Digital**.

FOKUS 5: MEMBUDAYAKAN SENI, WARISAN DAN BUDAYA NEGERI MELAKA

STRATEGI 6: MENERUS DAN MENGEKALKAN SENI, WARISAN DAN BUDAYA KEPADA GENERASI AKAN DATANG

**Cantik seroja di tengah halaman,
Bayu bertiup menyapa muka;
Pusaka sejarah zaman berzaman,
Warisan bangsa khazanah Melaka.**

Inisiatif: Menjejak Warisan

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 59.** Kerajaan Negeri Melaka menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada **Kerajaan Persekutuan** yang telah memberikan **peruntukan** sebanyak **25 juta ringgit** dalam usaha memelihara dan memulihara warisan di Negeri Melaka. Selain menggunakan peruntukan tersebut untuk **naik taraf asset warisan sedia ada** dan **pelaksanaan program warisan**, Kerajaan Negeri Melaka juga melaksanakan **Kajian Pengukuhan Kewujudan Lagenda Hang Tuah dan Kesultanan Melayu Melaka** dengan **menjejak warisan** yang berada di pelbagai negara sama ada di Benua Asia mahupun Eropah.

- 60.** Kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui dan mendalami tentang pensejarahan Tamadun Melayu Melaka yang telah kebanyakannya dipadam oleh pihak penjajah. **Hasil kajian** para penyelidik telah menemui pelbagai dokumen penting yang membuktikan kewujudan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Antaranya, **penemuan artifik-artifik baharu dan dokumen**

berkaitan **hubungan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan Kerajaan Turki Uthmaniyyah** serta **naskah manuskrip Hikayat Hang Tuah tertua di dunia** yang bertarikh 1758 di *Leiden University*, Amsterdam termasuk beberapa naskah Hikayat Hang Tuah dalam pelbagai versi bahasa dunia termasuk Jerman, Rusia, Belanda, Perancis, Inggeris, Indonesia dan pelbagai lagi. Manakala terdapat penulisan tentang Hang Tuah dalam bahasa Urdu yang diambil dari skrip dokumentari *Bharat ek Khoj* di India.

- 61.** Pasukan kajian juga berjaya menjumpai **Peca de Malaca di Museu Militar de Lisboa** iaitu selaras meriam yang dihadiahkan oleh Raja Calicut, India kepada Sultan Melaka yang digunakan semasa menentang serangan Portugis. Pasukan kajian telah menemui **peta lama Planisfera Cantino** yang tercatat nama **Malaqua bertarikh 1502 di Museu Marinha, Lisbon** dan terdapat banyak manuskrip berkaitan Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melayu, Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka di *British Library, United Kingdom*. Penemuan tersebut telah membuktikan bahawa Empayar Kesultanan Melayu Melaka dan keperwiraan Hang Tuah bukanlah suatu mitos tetapi benar-benar wujud dan diiktiraf oleh dunia di sekitar abad ke -16 dan abad ke-17.
- 62.** Berdasarkan penemuan tersebut, **Kerajaan Negeri** telah mula mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak bagi **membawa dokumen dan artifak tersebut untuk dipamerkan kepada rakyat Melaka sempena TMM2024**.
- 63.** Kerajaan Negeri turut melaksanakan inisiatif menjelaskan warisan berikut:

Pertama: **Kajian Melestarikan Sejarah Sekolah Berasaskan Nama Tokoh-tokoh Tersohor** yang melibatkan penyertaan sebanyak **43 buah sekolah** di Negeri Melaka dan telah dimenangi oleh Sekolah Vokasional Dato' Seri Abu Zahar Isnin. Selepas ini, pertandingan perkisahan sejarah sekolah berasaskan nama-nama tokoh tersohor akan diadakan.

Kedua: **Pertandingan Penulisan Pantun Peringkat Sekolah Negeri Melaka** yang melibatkan penyertaan daripada **90 buah sekolah** telah berjaya menghimpunkan sebanyak **360 buah pantun warisan.**

Antara pantun yang menarik daripada **Sekolah Kebangsaan Merlimau 2:**

**Angsana berbuah di laman Serani,
Di awan pekaka terbang menjulang;
Laksamana Hang Tuah tangkas berani,
Pahlawan Melaka masyhur terbilang.**

Sekolah Menengah Kebangsaan Ade Putra, pantunnya berbunyi:

**Walau berdarah cabaran menggugat,
Rakyat teguh tidak kan leka;
Bandar bersejarah warisan sejagat,
Diwarta UNESCO khazanah pusaka.**

Pantun yang menarik daripada **Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pay Fong 1:**

**Ikal mayang disanggul berkebaya,
Baba dan nyonya berpantun mesra;
Dondang sayang warisan budaya,
Khazanah bangsanya harus pelihara.**

Selain itu, kita juga mengumpul pantun-pantun supaya ia menjadi khazanah sejarah di setiap kampung melalui **Pertandingan Penulisan 1 Kampung 1 Pantun** yang sedang dijalankan. Ini bagi menghimpunkan pantun-pantun yang

dapat dijadikan warisan generasi akan datang. Sehingga kini, sebanyak **614 buah pantun** telah diterima:

Kampung Durian Daun Dalam, Melaka Tengah telah memberi lantunan pantun berbunyi:

**Rangka indah ukiran berseri,
Dapat menyerlah kisah lalu;
Melaka Tengah pemacu negeri,
Tempat sejarah sejak dahulu.**

Antara pantun yang juga menarik daripada **Kampung Serkam Pantai, Jasin**:

**Mohor dipateri tanda setuju,
Fitrah ikatan jiwa terhibur;
Sohor bestari Jasinku maju,
Daerah di selatan berjiran Johor.**

Kampung Gangsa, Alor Gajah juga telah melontarkan pantun berbunyi:

**Bunyi siulan si burung undan,
Burung merbah terbang pulang;
Negeri Sembilan daerah sempadan,
Alor Gajah maju cemerlang.**

Selain itu, saya juga menyarankan agar **semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri untuk menyediakan pantun masing-masing**. Kesemua pantun sekolah, kampung dan jabatan serta agensi akan dihimpunkan dalam satu pangkalan data pantun Negeri Melaka.

Ketiga: Sempena **Cuti Umum** bagi **Hari Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu** yang akan disambut pada **20 Februari 2024**, Kerajaan Negeri berbesar hati untuk melaksanakan **inisiatif parkir percuma** di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan termasuklah Kerajaan Negeri akan memberi **perkhidmatan percuma bagi melawat muzium, menaiki Melaka River Cruise, Melaka Taming Sari dan Zoo Melaka** sempena sambutan TMM2024. Inisiatif ini akan diberi pada hari cuti umum kepada pengunjung dan pelancong yang datang bercuti dan beriadah di Melaka pada 20 Februari 2024.

Inisiatif: Penubuhan Institusi

- 64.** Dalam usaha menerus dan **mengekalkan seni, warisan dan budaya** kepada generasi akan datang, Kerajaan Negeri akan menubuhkan **Melaka Heritage Hub atau Hub Warisan Melaka serta Pusat Latihan dan Galeri Dondang Sayang Negeri Melaka** dengan kos keseluruhan berjumlah **4.5 juta ringgit**.

Inisiatif: Pembangunan Industri Kreatif

- 65.** Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan program-program bagi pembangunan industri kreatif dengan implikasi kewangan berjumlah **3.8 juta ringgit** antaranya **Program Dondang Sayang, festival dan program warisan serta persidangan dan bengkel berkaitan warisan**.
- 66.** Kerajaan Negeri turut bersetuju memberikan **potongan** sebanyak **50 peratus duti hiburan** ke atas mana-mana **program hiburan yang dilaksanakan di premis Kerajaan Negeri** termasuk milik agensi dan anak syarikat.
- 67.** Kerajaan Negeri juga telah bersetuju sempena Tahun Melawat Melaka pada tahun hadapan, bagi **meraikan anak-anak dagang untuk kembali bersama keluarga pada bulan Ramadhan dan Syawal, 6 hari parkir percuma iaitu 3**

hari di akhir Ramadhan, 3 hari selepas Hari Raya Aidil Fitri. Kerajaan Negeri akan memberi parkir percuma di seluruh Negeri Melaka.

Inisiatif: Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan UNESCO

- 68.** Bagi menjaga, memulihara dan mempromosikan warisan budaya dan sejarah yang dinyatakan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO di Melaka, antara inisiatif yang akan dilaksanakan dengan implikasi kewangan berjumlah **11.7 juta ringgit** adalah **Kerja-kerja Baikpulih Bangunan Warisan, Penyelidikan dan Pemuliharaan Tapak Bersejarah, Pemuliharaan Rekabentuk Bandar Warisan serta Pelan Risiko Bencana Tapak Warisan Dunia Melaka.**

AGENDA 2: KESAKSAMAAN SOSIAL DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 69.** Perancangan pembangunan dalam sesebuah negeri dan negara perlu dilaksanakan secara inklusif supaya tiada kumpulan dalam masyarakat yang merasa terpinggir.

FOKUS 6: MEMPERKASA INISIATIF DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

- 70.** Pentadbiran Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan dan memberi penekanan kepada elemen kesejahteraan rakyat dalam merencana pembangunan negeri merangkumi aspek kebajikan golongan rentan dalam masyarakat, pendidikan, kesihatan, infrastruktur asas, hatta kelestarian alam sekitar.

STRATEGI 7: MENGUTAMA KEBAJIKAN RAKYAT

- 71.** Sehingga 1 November 2023, jumlah Ketua Isi Rumah miskin tegar di Negeri Melaka adalah seramai 1,235 orang, manakala bilangan Ketua Isi Rumah miskin adalah seramai 8,768 orang. Justeru itu, penjagaan kebajikan rakyat akan terus menjadi keutamaan Kerajaan Negeri.

Inisiatif: Bantuan Melaka Sara Rakyat (MESRA)

- 72.** Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri akan **meneruskan bantuan** kepada rakyat yang dikenali sebagai **Bantuan Melaka Sara Rakyat** atau akronimnya **MESRA** melalui inisiatif berikut:

Pertama: **Bantuan MESRA Am Kebajikan** dengan implikasi kewangan berjumlah **16.1 juta ringgit** melibatkan golongan **B40** seramai **5,423 orang**. Jumlah ini adalah sebagai tambahan kepada 21,319 orang penerima bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kedua: **Bantuan MESRA Ketua Isi Rumah Miskin** dengan implikasi kewangan berjumlah **5 juta ringgit** yang melibatkan seramai **1,098 orang**. Penerima bantuan ini dibayar upah di atas kerja-kerja pembersihan masjid, surau dan tanah perkuburan.

Ketiga: **Bantuan MESRA Lampin Pakai Buang Dewasa** berjumlah **1.2 juta ringgit** melibatkan **2,203 orang penerima**.

Keempat: **Bantuan MESRA Susu Orang Terlantar** iaitu program bantuan susu kepada pesakit terlantar, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas berjumlah **872 ribu ringgit** melibatkan **229 orang penerima**.

Kelima: **Bantuan MESRA Pengurusan Jenazah B40** bernilai **200 ringgit kepada waris dalam kategori B40** dengan jumlah peruntukan berjumlah **200 ribu ringgit.**

Keenam: **Bantuan MESRA Bayi Melaka** iaitu bantuan **50 ringgit** bagi **pembukaan akaun SSPN Prime** untuk setiap **bayi yang lahir pada tahun 2024.** **Bayi yang lahir di Melaka pada hari pembentangan Bajet 2024** iaitu **27 November** hari ini akan menerima bantuan **150 ringgit seorang.** Implikasi kewangan keseluruhan berjumlah **50 ribu ringgit.**

Inisiatif: Program Kesihatan

73. Statistik terkini penjagaan kesihatan awam menunjukkan nisbah seorang doktor kepada 1,000 penduduk, berbanding kadar ideal iaitu 1 nisbah 400. Selaras dengan konsep *Caring Society*, pada tahun 2024 Kerajaan Negeri akan memperkenalkan perkhidmatan **Paramedik Komuniti Melaka** di setiap **339** buah kampung di bawah naungan **JPKKK dan JPKKB** dengan implikasi kewangan berjumlah **500 ribu ringgit.** Kita saksikan persembahan video.

(VIDEO PARAMEDIK KOMUNITI MELAKA)

74. Perkhidmatan Paramedik Komuniti ini merupakan bantuan kecemasan awal dan sokongan moral yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat Melaka yang ditimpa musibah. Pelaksanaan Kampung Digital yang telah dimaklumkan awal tadi akan membantu dalam memberi lokasi yang tepat bagi membolehkan sukarelawan paramedik dan ambulans sampai dengan cepat ke tempat kejadian. Pelaksanaan inisiatif ini termasuklah:

Pertama: Paramedik Komuniti Melaka terdiri daripada **3 orang sukarelawan yang dipilih oleh setiap JPKKK dan JPKKB** dan elaun sukarelawan akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui JAPERUN.

- Kedua:** Sukarelawan akan diberikan **latihan oleh** agensi yang diiktiraf seperti **Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia** serta **dibekalkan** dengan **peralatan perubatan yang bersesuaian.**
- Ketiga:** **Klinik Desa** sedia ada dijadikan **sebagai Pusat Sumber Kesihatan Komuniti.**
- 75.** Oleh yang demikian, saya akan melihat bahawa Paramedik Komuniti ini akan menjadi sumber nadi perkhidmatan kepada setiap wakil rakyat yang berkhidmat, untuk Kerajaan Negeri menghulurkan bantuan awal kepada mereka yang ditimpa musibah. Oleh itu, saya menasihatkan kepada semua agar pemilihan JPKK untuk dijadikan seorang sukarelawan mestilah mereka yang suka berkhidmat kepada masyarakat.
- 76.** Selain itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif seperti berikut:

Pertama: **Bantuan MESRA Ambulans** iaitu **kemudahan ambulans percuma** berjumlah **1.5 juta ringgit**. Kerajaan Negeri memanjangkan kemudahan ini kepada pesakit yang layak untuk mendapat rawatan di hospital atau klinik Kerajaan di sempadan negeri serta di **Institut Jantung Negara, Institut Kanser Negara, Hospital Serdang dan Hospital Kuala Lumpur.**

Kedua: **Program MBIO Sihat** sedia ada yang dilaksanakan oleh Perbadanan Bioteknologi Melaka dengan implikasi kewangan berjumlah **750 ribu ringgit**, dipanjangkan untuk saringan **penanda kanser bagi kanser hati.**

Ketiga: **MyHeart** iaitu **program menempatkan mesin Automated External Defibrillator di pusat tumpuan orang ramai.**

Inisiatif: Program Pendidikan

- 77.** Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada **Kerajaan Persekutuan** yang telah meluluskan **46 projek dan program sambungan** serta **18 projek dan program baharu** pendidikan berjumlah **114.1 juta ringgit** pada tahun 2024.
- 78.** **Politeknik Melaka** adalah salah satu projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengajian Tinggi. Demi kepentingan pembangunan pendidikan, **Kerajaan Negeri bersedia untuk memudahcara urusan tapak projek** tertakluk kepada kesediaan Kementerian Pengajian Tinggi khususnya dari segi peruntukan kewangan.
- 79.** **Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka** menyediakan peruntukan berjumlah **14.5 juta ringgit**. Antara inisiatif pendidikan yang akan dilaksanakan termasuklah:
- Pertama:** **Bijak SPM** iaitu insentif bernilai **50 ringgit seorang** untuk **program kecemerlangan** bagi pelajar yang bakal menduduki peperiksaan **SPM** dengan implikasi kewangan berjumlah **700 ribu ringgit**.
- Kedua:** **Bijak Tahfiz** iaitu insentif bernilai **3,000 ringgit untuk setiap sekolah tahfiz berdaftar** dengan implikasi kewangan **306 ribu ringgit**.
- Ketiga:** **Bijak Ijazah** iaitu insentif bernilai **1,000 ringgit seorang kepada anak Melaka yang mendapat Ijazah Kelas Pertama bagi graduan lepasan Institusi Pengajian Tinggi Awam dalam negara dengan implikasi kewangan **200 ribu ringgit**.**

- 80.** Mengambil kira tema Bajet 2024 yang mengetengahkan aspek sejarah kegemilangan Melaka, Kerajaan Negeri akan menyediakan inisiatif **Bijak Sejarah** bernilai **200 ringgit seorang** kepada anak Melaka yang cemerlang dalam subjek Sejarah iaitu mendapat **Gred A Plus untuk peperiksaan SPM**, dan **Gred A di dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia** bagi keputusan peperiksaan yang akan diumumkan pada tahun 2024 dengan implikasi kewangan berjumlah **150 ribu ringgit**.

STRATEGI 8: MENYOKONG PEMERKASAAN GOLONGAN TUMPUAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif: Bantuan MESRA Komuniti

- 81.** Kerajaan Negeri tidak akan meminggirkan golongan tertentu dalam penyediaan bajet 2024. **Bantuan MESRA Komuniti** sedia ada yang melibatkan golongan tertentu akan tetap dilaksanakan:

Pertama: **Bantuan MESRA Anak Orang Asli** berbentuk **bantuan persekolahan kepada pelajar sekolah** berjumlah **30 ribu ringgit**.

Kedua: **Inisiatif memperkasakan OKU dalam bidang sukan, rekreasi dan kecergasan** melalui **Program Perhebat OKU** dengan peruntukan berjumlah **100 ribu ringgit**.

Ketiga: **Program Peluang Kedua - Say No to Drugs** iaitu program anti dadah oleh Persatuan Mencegah Dadah Malaysia dan Agensi Antidadah Kebangsaan berjumlah **80 ribu ringgit**.

Keempat: **Caruman PERKESO** berjumlah **180 ribu ringgit** kepada **pemandu teksi dan kereta sewa** yang memanfaatkan seramai 651 orang.

Kelima: Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan hampir **20 ribu ringgit** bagi **Caruman PERKESO dan pendaftaran lesen percuma** kepada **273 pengayuh beca**.

Keenam: Sebagai penghargaan kepada lebih 1,000 orang **pemandu dan penunggang e-hailing** di Negeri Melaka yang terlibat sebagai duta kecil pelancongan, Kerajaan Negeri akan **menambah bilangan One Stop Centre** untuk memberi keselesaan kepada golongan tersebut. Antara kawasan Pusat *e-hailing* sedia ada di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan adalah di Kompleks Melaka *Mall*, Ayer Keroh dan Bandar Merlimau, Jasin. Lokasi baharu adalah di Pulau Melaka, Dewan Besar Masjid Tanah serta *Mydin Mall* di Bandar Jasin Bestari.

Inisiatif: Pemerkasaan Golongan Peniaga

82. Golongan peniaga merupakan salah satu pihak yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka. Untuk memudahkan urusan para peniaga menjalankan aktiviti ekonomi, inisiatif berikut akan dilaksanakan:

Pertama: **Baik pulih, menaiktaraf, memperkenal dan memperbanyakkan lokasi perniagaan bagi penjaja dan peniaga** oleh Pihak Berkuasa Tempatan:

- **Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah** akan melaksanakan pembaikan antaranya di Medan Niaga Taman Keris Mas, Sungai Udang dan Medan Selera Pernu, Medan Selera Pantai Rombang dan lain-lain tempat melibatkan implikasi kewangan berjumlah **10.4 juta ringgit**. Selain itu, Pasar Pagi Sabtu di Jalan Hang Tuah akan diadakan melalui kerjasama di antara Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan FAMA.

- **Majlis Perbandaran Alor Gajah** akan melaksanakan pembaikan di medan selera di UiTM Lendu, gerai di R&R Melekek dan Pantai Tanjung Bidara dengan implikasi kewangan berjumlah **1.7 juta ringgit**.
- **Majlis Perbandaran Jasin** juga menyediakan peruntukan sebanyak **2.3 juta ringgit** bagi pembaikan beberapa gerai seperti di Batu 16 Bemban, Taman Harmoni Merlimau dan Taman Kemendor Rim.
- **Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya** telah menyediakan peruntukan sebanyak **600 ribu ringgit**, antaranya bagi menyelenggara Medan Penjaja di Taman Saujana Permai.

Kedua: **Program Mula Niaga** merupakan inisiatif di bawah Pembangunan Usahawan Negeri Melaka untuk **membantu golongan usahawan dan peniaga** yang ingin memulakan perniagaan dengan implikasi kewangan berjumlah **200 ribu ringgit**.

Ketiga: Peruntukan sebanyak **100 ribu ringgit** juga disediakan sebagai **galakan** kepada **koperasi kariah masjid yang menjalankan aktiviti perniagaan**.

Keempat: Dalam usaha untuk **membantu usahawan Industri Kecil Sederhana**, Kerajaan Negeri akan menawarkan **sewaan percuma selama satu tahun** kepada usahawan yang berjaya dalam permohonan serta **memenuhi terma dan syarat** yang ditetapkan bagi **memulakan perniagaan di Pulau Melaka**.

Inisiatif: Pemerkasaan Kepimpinan Akar Umbi

83. Kepimpinan akar umbi yang terdiri daripada JPKK, JPKKB dan Sidang-sidang merupakan wakil Kerajaan Negeri yang sentiasa berurusan dengan rakyat

Melaka. Kerajaan Negeri amat menghargai peranan JPKK dan JPKKB serta Sidang dan bersetuju untuk melaksanakan inisiatif berikut:

Pertama: Bantuan MESRA JPKK, JPKKB dan Sidang-sidang Negeri Melaka

Melaka kepada 4,724 orang ahli dengan implikasi kewangan berjumlah **6.1 juta ringgit**. Peruntukan untuk JPKK dan JPKKB merupakan **tambahan** kepada peruntukan **elaun** yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Kedua: Kerajaan Negeri juga turut membiayai kos **insurans dan khairat kematian** kepada semua ahli **JPKK dan JPKKB serta Sidang-sidang Negeri Melaka** dengan implikasi kewangan berjumlah **2 juta ringgit**.

- 84.** Berdasarkan Belanjawan 2024, **setiap 316 JPKK** Negeri Melaka akan menerima pemberian **insentif tadbir urus** berjumlah **5 ribu ringgit** bagi menambah baik aspek pengurusan dan pelaksanaan aktiviti pembangunan komuniti.

STRATEGI 9: MEMPERKASA PERANAN BELIA DAN WANITA

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif: Program Belia

- 85.** Golongan belia merupakan pewaris kepimpinan yang akan membangunkan Negeri Melaka pada masa akan datang. Statistik menunjukkan 42 peratus atau 443,000 orang belia yang berumur di antara 18 tahun ke 35 tahun di Negeri Melaka. Justeru itu, pemerkasaan golongan belia ini amat penting di mana Kerajaan Negeri melaksanakan **Program Belia Progresif** dengan implikasi kewangan berjumlah **500 ribu ringgit**.

Inisiatif: Program Wanita

- 86.** Wanita juga memainkan peranan penting bukan sahaja dalam institusi keluarga bahkan dalam masyarakat. Kerajaan Negeri menghargai wanita dengan melaksanakan inisiatif berikut:

Pertama: Meneruskan **Program Semarak Wanita** dengan peruntukan berjumlah **500 ribu ringgit**. Program ini merupakan satu usaha Kerajaan Negeri Melaka dalam memartabatkan kaum wanita untuk menyertai program-program pembangunan dan pemerkasaan wanita.

Kedua: **Rumah Perlindungan Wanita Negeri Melaka** di sebahagian kawasan **Kompleks JAPERUN Bachang** merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi mewujudkan sebuah rumah perlindungan sementara kepada **wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga dan gelandangan wanita** sebelum ditempatkan di institusi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

STRATEGI 10: MEMPERTINGKAT FASILITI ASAS

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif: Kesiapsiagaan Bencana Banjir

- 87.** Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk mengurangkan permasalahan banjir terutamanya di 124 lokasi hotspot di seluruh Negeri Melaka.
- 88.** Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah meluluskan 5 projek **Rancangan Tebatan Banjir di Bandar Jasin**,

Sungai Duyong, Alor Gajah, Bandar Merlimau dan Sungai Melaka dengan keseluruhan kos projek berjumlah **329.8 juta ringgit**. Kesemua projek ini sedang giat dilaksanakan dan ada yang akan siap pada tahun 2024 dan sebahagian yang lain akan siap selewat-lewatnya pada tahun 2025. Semasa pembentangan Belanjawan 2024, satu lagi **projek baharu** iaitu **Rancangan Tebatan Banjir Sungai Putat** diluluskan dengan kos projek berjumlah **72.8 juta ringgit**.

- 89.** Selain itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **8.1 juta ringgit** untuk **projek mengurangkan risiko banjir**, antaranya:

Pertama: **Projek-projek kecil saliran** seperti Kerja-Kerja Menaiktaraf Saliran di Kampung Pengkalan Rama Pantai, Daerah Melaka Tengah, Kerja-Kerja Membina Ban di Sungai Batang Melaka Kampung Gadek, Daerah Alor Gajah dan Kerja-kerja Meninggikan Ban di Saliran Kampung Semujuk, Daerah Jasin.

Kedua: **Rancangan Saliran Bandar** melalui Kerja-Kerja Pembersihan dan Pemuliharaan Kolam-Kolam Takungan Banjir di ketiga-tiga daerah di Negeri Melaka.

Inisiatif: Jaminan Bekalan Air

- 90.** Projek bekalan air yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan diteruskan pelaksanaan, antaranya adalah:

Pertama: Di **Daerah Jasin, Projek Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Melaka** di **Tasik Biru Chinchin** dengan kos projek berjumlah **350 juta ringgit**.

Kedua: Di **Daerah Alor Gajah, Projek pembinaan TAPS Jernih** dengan kos projek berjumlah **200 juta ringgit**.

Ketiga: Di **Daerah Melaka Tengah, Projek Menaiktaraf Kolam Tebatan Banjir Krubong - Durian Tunggal Sebagai Kolam Dwi-Fungsi Untuk Tebatan Banjir dan Sumber Air Negeri** dengan kos projek berjumlah **603.7 juta ringgit**.

Keempat: Satu projek baharu yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan adalah **Pemetaan dan Pembangunan Sumber Air Bawah Tanah** dengan kos projek berjumlah **3.8 juta ringgit**.

Inisiatif: Jaringan Jalan Raya

- 91.** Kerajaan Negeri akan terus menambah baik jaringan hubungan jalan raya. Projek baharu yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 adalah:

Pertama: **Membina Jalan Pesisir di Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Daerah Alor Gajah** dengan kos projek berjumlah **49 juta ringgit**.

Kedua: **Menaik taraf Jalan dari Bulatan Tol Simpang Ampat ke Lebuhraya AMJ, Daerah Alor Gajah** dengan kos projek berjumlah **30 juta ringgit**.

- 92.** Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk pelaksanaan 2 buah projek baharu bernilai **122.4 juta ringgit**. Harapan Kerajaan Negeri agar Kementerian Ekonomi dapat mempertimbang dan meluluskan permohonan projek berikut:

Pertama: **Cadangan Menaiktaraf Dan Membina Jalan Baru Dari SRA JAIM Datuk Tambi Chik Karim, Masjid Tanah Ke Kampung Ayer Hitam Darat, Daerah Alor Gajah**.

Kedua: Cadangan Membina Jalan Baru Dari Jalan Masjid Tanah Kuala Linggi (FT138) ke Telok Gong, Daerah Alor Gajah.

- 93.** Kerajaan Negeri juga melaksanakan **projek-projek jalan raya dan jambatan** berjumlah **8.3 juta ringgit**, antaranya:

Pertama: Projek Menaiktaraf dan Pelebaran Jalan Kampung Tun Razak ke Tehel (Hadapan Sekolah Kebangsaan Kampung Tun Razak), Daerah Melaka Tengah.

Kedua: Kerja pembaikan persimpangan jalan sekolah lama Ayer Limau, Jalan Masjid, Jalan Masjid Tanah - Brisu (M155), Daerah Alor Gajah

Ketiga: Projek Menaiktaraf Pembentung Sungai Tambak Merlang di Jalan Chohong – Nyallas, Daerah Jasin.

- 94.** Bagi mengatasi isu kesesakan laluan utama khususnya di waktu puncak, Kerajaan Negeri telah melaksanakan inisiatif **No Right Turn mulai September 2023**. Inisiatif ini dilaksanakan secara berperingkat bermula di **Persimpangan Stadium Hang Jebat di Lebuh Sungai Udang-Paya Rumput-Ayer Keroh (Lebuh SPA)**. Inisiatif ini diteruskan pelaksanaannya di **Persimpangan Melaka Mall, Persimpangan Kandang - Sungai Duyong** dan **Persimpangan Petronas Ayer Keroh**.

- 95.** Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah melaksanakan **Melaka Car Free Zone** yang **melibatkan laluan sepanjang 2.3 kilometer** di destinasi kawasan tumpuan pelancong sekitar Banda Hilir membabitkan laluan di **Bangunan Merah, hadapan Menara Taming Sari dan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan**. Kawasan sekitar Banda Hilir **ditutup** kepada semua kenderaan dari **jam 6 petang hingga 12 tengah malam pada setiap hari Sabtu** untuk dimanfaatkan oleh orang ramai termasuk pelancong bersantai bersama keluarga sambil menikmati

persesembahan seniman jalanan atau ‘buskers’ dan aktiviti-aktiviti lain. Ia juga menyediakan ruang perniagaan kepada peniaga tempatan. *Melaka Car Free Zone* telah mendapat **Anugerah Malaysia Technology Expo 2023** iaitu **Anugerah Gold Award dan Outstanding Award bagi kategori Health and Wellbeing berkaitan Santai@Banda Hilir.**

- 96. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia dan Panorama Melaka** sedang melaksanakan **kajian perubahan hala jalan** untuk memastikan laluan trafik teratur dan memberi keselesaan kepada pengguna.

Inisiatif: Infrastruktur Dan Kemudahan Awam

- 97. Inisiatif pengangkutan awam**, antaranya:

Pertama: Menerusi **Program Transformasi Bas Henti-henti**, sebanyak **8 laluan baharu bas domestik** akan ditambah menjelang Mac 2024. Ini menjadikan **keseluruhan** sebanyak **18 laluan** termasuk 1 laluan *loop* bandaraya dengan 4 buah *Electrical Vehicle* serta *loop* hospital dan pasar dengan *bus mini low deck*. Selain itu, 2 buah medik bas berkonsepkan *bus on demand* disediakan untuk kemudahan kepada warga emas dan OKU.

Kedua: Perkhidmatan pengangkutan awam baharu berkonsepkan **e-hailing (*Bus On Demand*)** atau dikenali sebagai **Kumpool Kasturi** diperkenalkan Kerajaan Negeri Melaka sebagai **persediaan** menghadapi **TMM2024** untuk mengatasi kesesakan khususnya di kawasan Banda Hilir.

Ketiga: Perkhidmatan **Water Taxi** di **laluan Sungai Melaka** yang menyediakan **pengangkutan alternatif** kepada pengguna.

98. Pihak Berkuasa Tempatan juga akan melaksanakan **projek infrastruktur dan kemudahan awam**, antaranya:

Pertama: Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah menyediakan peruntukan berjumlah **4.9 juta ringgit** bagi projek seperti **kerja-kerja melebar dan menurap semula jalan di Jalan Bukit Senjuang**.

Kedua: Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya menyediakan peruntukan berjumlah **2.2 juta ringgit** bagi projek seperti **selenggara lampu awam dan pemberian papan tanda nama jalan perumahan**.

Ketiga: Majlis Perbandaran Alor Gajah menyediakan peruntukan berjumlah **1.4 juta ringgit** bagi projek seperti **naik taraf Pasar Alor Gajah dan membina dewan terbuka di Taman Indah, Sungai Udang**.

Keempat: Majlis Perbandaran Jasin akan melaksanakan projek-projek berjumlah **1.3 juta ringgit** seperti **menaiktaraf infrastruktur di Pekan Nyalias dan Dataran Kejat di Pekan Sungai Rambai**.

Inisiatif: Kemudahan Perumahan

99. Inisiatif pemilikan perumahan yang dilaksanakan adalah:

Pertama: Skim Rumah Mampu Milik di mana sebanyak **48,966 unit** yang telah dan sedang dibangunkan di Negeri Melaka. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **12,464 unit telah siap, 18,509 unit dalam pembinaan, dan 17,993 unit telah mendapat kelulusan dan dalam perancangan**.

- Kedua:** Meneruskan **Skim Program Perumahan Rakyat**. Terdapat **5 projek Program Perumahan Rakyat telah dilaksanakan** yang mengandungi **1,818 unit iaitu di Sungai Putat, Krubong, Tehel, Tangga Batu dan Klebang**. Selain itu, **1 projek baharu di Bukit Katil dengan 200 unit** akan dibina pada tahun 2024.
- Ketiga:** Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan **Skim Rent to Own** bagi penyewa di PPR Tehel dan Krubong. Pada tahun 2024, Skim *Rent to Own* akan diperluaskan pelaksanaannya di **PPR Tangga Batu, Klebang dan Bukit Katil**.
- Keempat:** **Program Melaka Rumahku** akan diteruskan dengan peruntukan tahunan sebanyak **3 juta ringgit**.
- Kelima:** **Program Rumah Transit** disediakan untuk kegunaan sementara. Terdapat **10 unit** Rumah Transit telah disediakan di **Rumah Pangsa Kampung Padang**. **2 unit** jenis rumah sesebuah juga telah dibangunkan dan diserahkan di **DUN Tanjung Bidara dan DUN Paya Rumput**. Program ini akan diperluaskan di setiap DUN secara berperingkat.
- Keenam:** **Tabung Dana Hartanah Bumiputera** yang diuruskan oleh **Melaka Finance House** menjadi **alternatif** untuk membantu golongan **B40** di Negeri Melaka mendapatkan **pinjaman perumahan** untuk memiliki kediaman dan harta tanah sendiri.

STRATEGI 11: MENYEMARAK PERPADUAN SOSIAL MASYARAKAT

**Terbang camar di tepian lata,
Bersarang merbah celahan sena;
Bertaut harmoni elak sengketa,
Agar perpaduan utuh terbina.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

100. Sebagai sebuah negeri yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum yang mengamalkan kepelbagaian kepercayaan dan budaya, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan aspek perpaduan sebagai jaminan kepada kesejahteraan sosioekonomi Negeri Melaka.

Inisiatif: Program Perpaduan

101. Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif perpaduan melalui **Program Komuniti Perpaduan MADANI** berjumlah **300 ribu ringgit**.

Inisiatif: Sukan Wadah Perpaduan

102. Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif sukan wadah perpaduan melalui **program sukan** seperti berikut:

Pertama: **Sukan Melaka bagi merebut Piala YAB Ketua Menteri Melaka** berjumlah **350 ribu ringgit** bertujuan untuk menggalakkan budaya hidup sihat di samping merapatkan hubungan di antara pemimpin dan rakyat.

Kedua: Meneruskan **program e-sport** berjumlah **200 ribu ringgit** seperti **Kejohanan e-Sports Piala TYT Negeri Melaka** dan **Kejohanan e-Sports Piala YAB Ketua Menteri Melaka**.

103. Inisiatif sukan wadah perpaduan juga akan dilaksanakan dengan memperkasa ekosistem atlet seperti berikut:

Pertama: Persediaan Kontinen Melaka ke **Temasya Sukan Malaysia (SUKMA), Sarawak 2024** dengan implikasi kewangan berjumlah **2.5 juta ringgit**.

- Kedua:** **Menaiktaraf Kemudahan Sukan** berjumlah **1.5 juta ringgit** termasuk menaiktaraf Dewan Badminton dan Padang Sasar Menembak Majlis Sukan Negeri, Ayer Keroh.
- Ketiga:** **Program-program sukan dan sumbangan kepada Persatuan Sukan** diselaraskan oleh Majlis Sukan Negeri berjumlah **1 juta ringgit**.
- Keempat:** **Insentif Kejohanan Sukan Bertaraf Dunia** berjumlah **200 ribu ringgit** buat atlet Negeri Melaka yang **memenangi pingat di peringkat antarabangsa**.

104. Kerajaan Persekutuan di bawah Belanjawan 2024 akan memberi potongan cukai sehingga 10 peratus kepada individu atau syarikat yang menyumbang ke arah kemajuan sukan.

STRATEGI 12: MEMASTIKAN KELESTARIAN PERSEKITARAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif: Kemudahan Riadah Dan Rekreasi

105. Antara kemudahan riadah dan rekreasi yang akan disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah:

- Pertama:** **Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah** menyediakan peruntukan berjumlah **5.1 juta ringgit** untuk melaksanakan projek-projek seperti **Kerja Baikpulih Kompleks Sukan Hang Jebat, Pembinaan Skate Park (Advance) Taman Bukit Serindit**.

- Kedua:** **Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya** akan melaksanakan kerja-kerja menyelenggara kemudahan riadah dan taman seperti di **Taman Botanikal dan padang-padang permainan di taman perumahan** dengan peruntukan berjumlah **5.3 juta ringgit**.
- Ketiga:** **Majlis Perbandaran Alor Gajah** akan melaksanakan kerja-kerja, antaranya **Pencahayaan Bangunan Lama Pekan Masjid Tanah, Dataran Keris dan Taman Rekreasi Durian Daun** dengan peruntukan berjumlah **1.7 juta ringgit**.
- Keempat:** **Majlis Perbandaran Jasin** pula menyediakan peruntukan berjumlah **700 ribu ringgit** untuk **membina baharu alat permainan kanak-kanak di 12 taman perumahan** antaranya di Bemban, Rim, Asahan, Serkam, Merlimau dan Sungai Rambai.

Inisiatif: Kelestarian Alam

106. Inisiatif kelestarian alam lain yang akan dilaksanakan, antaranya:

- Pertama:** Kerajaan Negeri akan terus **mengekalkan kawasan Hutan Simpan Kekal**, antaranya **Hutan Simpanan Hutan Dara Tanjung Tuan dan Hutan Simpanan Hutan Dara di Bukit Senggeh**.
- Kedua:** Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah **1 juta ringgit** kepada Perbadanan Teknologi Hijau Melaka bagi meneruskan pelaksanaan **program teknologi hijau Negeri Melaka**.

Inisiatif: Kebersihan Dan Keceriaan

107.Dalam membina persekitaran komuniti yang bersih dan ceria, inisiatif berikut akan dilaksanakan:

- Pertama:** **Pembinaan Loji Sisa ke Tenaga atau insinerator di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang** dengan kos lebih **700 juta ringgit** telah berada di peringkat terakhir kelulusan. Pembinaan loji ini akan menjadi projek penggunaan teknologi Loji Sisa ke Tenaga pertama di Melaka dalam mengurus dan mengendalikan sisa pepejal.
- Kedua:** **Program Gotong Royong Sungai Melaka** merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk **memastikan seluruh Negeri Melaka sentiasa bersih terutama menjelang TMM2024**. Program seumpama ini akan diteruskan pada tahun 2024.
- Ketiga:** **Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Peringkat Negeri Melaka** akan diadakan **sempena TMM2024**.
- Keempat:** Kerajaan Negeri akan menyajikan **pantun-pantun warisan menghiasi pintu gerbang dan jalan masuk ke Melaka**. Selain itu, sebanyak **701 buah kampung dan 1,021 taman perumahan** di seluruh Melaka juga akan dihias dengan peletakan mercu dan papan tanda pantun warisan bagi menggamt pengunjung datang ke Melaka.

STRATEGI 13: MENYEDIAKAN PEMBANGUNAN INKLUSIF

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif: Syiar Islam

108.Sebagai usaha untuk **menerapkan nilai-nilai murni** selain daripada memupuk semangat cintakan negeri dan negara dalam pentadbiran Kerajaan Negeri, **setiap mesyuarat akan dimulakan dengan bacaan doa atau Surah Al-Fatihah.** Sementara itu, pada **setiap hari Isnin jam 10 pagi, lagu Negaraku dan Melakaku Maju Jaya** akan berkumandang di pejabat-pejabat Kerajaan Negeri. Selain itu, **papan tanda kalimah ayat zikir di masjid dan surau** telah mula dipasang, antaranya di Masjid Al-Alami MITC, Masjid Cina, Masjid Saidina Ali dan Masjid Al-Hidayah Batu Berendam.

109.Kerajaan Negeri akan terus memartabatkan syiar Islam dengan melaksanakan pelbagai inisiatif, antaranya:

Pertama: Dalam usaha untuk menambahbaik keperluan kumpulan asnaf penerima zakat, kutipan zakat pada tahun **2024** dianggarkan **meningkat** sebanyak **5 peratus** kepada **129 juta ringgit** berbanding **123 juta ringgit** pada tahun **2023.** **Semua Ahli Dewan Undangan Negeri dan pegawai serta kakitangan Jabatan Ketua Menteri Melaka yang beragama Islam dikehendaki membuat potongan zakat pendapatan mulai tahun **2024.****

Kedua: Usaha memperkasa **Hal Ehwal Agama** di Negeri Melaka, Kerajaan Negeri juga menyediakan **peruntukan pembangunan** di bawah **Jabatan Agama Islam Melaka** berjumlah **11.9 juta** bagi melaksanakan **projek pendidikan, projek keagamaan dan penyelenggaraan masjid, surau serta sekolah dan tadika JAIM** di seluruh Negeri Melaka.

Ketiga: Kerajaan Negeri turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan **terima kasih kepada 1,470 orang guru agama KAFA dan juga 375 orang guru tadika JAIM** yang

tanpa jemu sentiasa mendidik anak-anak Negeri Melaka dengan ilmu pendidikan keagamaan. Isu pelantikan dan elaun yang telah membelenggu golongan pendidik ini sejak lebih daripada dua tahun yang lepas telah dapat diselesaikan. Keseluruhan peruntukan yang terlibat berjumlah **40.6 juta ringgit setahun** iaitu **38.3 juta ringgit** ditanggung oleh **Kerajaan Negeri**, manakala **2.3 juta ringgit** ditanggung oleh **Majlis Agama Islam Melaka**. Dari segi perbandingan di antara negeri lain, kebijakan khususnya dari segi elaun guru KAFA ini berada di kelompok **4 tertinggi di Malaysia**.

Inisiatif: Penerapan Budaya Penyelenggaraan

110.Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri memperluas **penerapan budaya penyelenggaraan** dalam sektor perkhidmatan awam dengan implikasi kewangan berjumlah **15.8 juta ringgit**, antaranya:

Pertama: Kerja-kerja Membaikpulih Pusat Pemulihan Bencana Sistem e-Tanah Melaka dan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem *Extra Low Voltage* di Dewan Undangan Negeri, Melaka.

Kedua: Kerja-kerja Pembaikan Kebocoran Bumbung dan Kerosakan Siling di pejabat-pejabat Kerajaan Negeri seperti di Wisma Negeri dan Kompleks Mahkamah Syariah.

Ketiga: Kerja-kerja menaiktaraf bangunan pejabat seperti Pejabat Daerah dan Tanah Jasin serta Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Jasin.

Inisiatif: Pembangunan Daerah

111.Secara keseluruhan, **peruntukan pembangunan bagi setiap daerah pada tahun 2024** adalah sebanyak **859.4 juta ringgit** iaitu **peruntukan Kerajaan**

Persekutuan berjumlah 790.5 juta ringgit dan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah 85 juta ringgit. Daerah Melaka Tengah diperuntukkan sebanyak 373.6 juta, Daerah Alor Gajah sebanyak 331.8 juta ringgit dan Daerah Jasin sebanyak 153.9 juta ringgit. Sejumlah 16.2 juta ringgit pula diperuntukkan untuk projek dan program yang melibatkan lebih dari satu daerah.

112.Kerajaan Negeri turut **memperkasa peranan Pegawai Daerah** dengan menyediakan peruntukan **pelbagai penyelenggaraan infrastruktur di bawah Pejabat Daerah dan Tanah** berjumlah **8.3 juta ringgit** daripada keseluruhan peruntukan pembangunan meliputi ketiga-tiga Daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin.

113.Kerajaan Negeri akan melaksanakan **pelarasan cukai tanah** tahun 2024 berkuatkuasa mulai Januari 2024. Kali terakhir semakan cukai tanah negeri Melaka adalah pada tahun 2006. **Pengurangan** sebanyak **5 peratus** diberikan kepada semua pemilik tanah yang membayar cukai mulai **1 Januari 2024 sehingga 31 Mei 2024**.

AGENDA 3: PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

**Penjawat awam tonggak negeri,
Laksana tugas penuh setia;
Harapan rakyat sedia penuhi,
Agar hidup sentosa bahagia.**

FOKUS 7: MENINGKATKAN PRESTASI ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

114.Dalam struktur perkhidmatan awam termasuk Kerajaan Negeri, Jabatan dan Agensi berperanan untuk menjalankan perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat dalam bidang masing-masing.

115.Selain daripada Jabatan dan Agensi, terdapat **anak-anak syarikat** yang diwujudkan sebagai **investment arm** kepada Kerajaan Negeri Melaka tidak terkecuali di mana sehingga kini, terdapat sebanyak **13 buah Agensi dan 81 syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)** iaitu 67 buah anak syarikat milik Agensi, 10 buah syarikat bersekutu dan 4 buah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) seperti Universiti Melaka.

116.Bagi tahun kewangan **2022**, sebanyak **7 Agensi Kerajaan Negeri mencatat keuntungan** berjumlah **61.7 juta ringgit**, **28 anak syarikat** mencatatkan **keuntungan** berjumlah **32.9 juta ringgit** dan **3 Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG)** telah **merekodkan keuntungan** berjumlah **282 ribu ringgit**.

STRATEGI 14: MEMPERKUKUH PERANAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC)

117.Dalam mendepani cabaran penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat khususnya pasca pandemik COVID-19, sewajarnya peranan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang ditubuhkan perlu diperkuuhkan agar kewujudan entiti tersebut terus relevan sebagai sebahagian usaha Kerajaan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Inisiatif: Penstrukturran Semula Agensi Dan Anak Syarikat

118.Kerajaan Negeri sedang dalam proses merasionalisasikan kewujudan semua anak syarikat untuk memastikan kesemuanya turut menyumbang kepada pembangunan Negeri Melaka. Untuk proses **fasa pertama**, penilaian awal telah dilaksanakan semasa **program Lab Pemantapan Prestasi Kewangan dan Tadbir Urus** bagi Pengurusan Tertinggi Agensi dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka. **Fasa seterusnya, penilaian khusus** akan dilakukan ke atas **kedudukan kewangan dan perancangan perniagaan** masing-masing yang akan dinilai pada awal bulan Disember 2023.

119. Proses rasionalisasi dari semasa ke semasa akan terus dilaksanakan supaya entiti tersebut boleh terus berdaya saing dan menjalankan peranan yang sebaiknya dalam membantu sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat.

120. Budaya pemantauan dan penilaian akan diterapkan ke atas pengurusan anak syarikat untuk mewujudkan persaingan yang sihat. Selain itu, **pemilihan pencapaian syarikat terbaik dan CEO of The Year akan diperkenalkan bermula pada tahun 2024.**

FOKUS 8: MENYEDIA PERKHIDMATAN AWAM YANG CEKAP DAN BERKESAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

121. Semua aspirasi dan perancangan Kerajaan didokong oleh jentera perkhidmatan awam. Justeru itu, perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan merupakan faktor kritikal dalam menjayakan sesuatu perancangan yang telah ditetapkan.

STRATEGI 15: MEMPERTINGKAT KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

122. Kerajaan Negeri melaksanakan pelbagai inisiatif seperti libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan, kreatif dan inovatif dalam pengurusan selain memberi penekanan kepada aspek penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan kecekapan dalam sistem perkhidmatan awam.

Inisiatif: Wacana Rakyat

123. Kerajaan Negeri melaksanakan libat urus dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan pandangan dan idea bagi bersama-sama membangunkan Negeri Melaka.

Pertama: **Hari Bertemu Rakyat** merupakan platform untuk rakyat bertemu secara terus dengan kepimpinan negeri termasuk jabatan dan agensi bagi menyelesaikan permasalahan masing-masing. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri telah menganjurkan **2 kali** Hari Bertemu Rakyat pada bulan **Jun dan September** yang lalu di MITC, Ayer Keroh. Sebanyak 331 aduan telah diterima dan sebanyak **296 aduan** atau 89.4 peratus telah berjaya **diselesaikan** dalam tempoh 2 minggu.

Mengambil kira respon rakyat yang amat menggalakkan, Kerajaan Negeri akan meneruskan penganjuran **Hari Bertemu Rakyat mengikut Parlimen** mulai Disember 2023 bermula di **Parlimen Masjid Tanah** pada **14 Disember 2023 di Kompleks Sukan Masjid Tanah**.

Kedua: Kerajaan Negeri juga akan terus mengadakan **sesi libat urus** dengan pelbagai pihak. Contohnya, dalam merangka **Bajet 2024**, buat julung-julung kali Kerajaan Negeri telah mengadakan **Town Hall Bajet** pada tahun ini. Pada bulan **Disember 2023, perjumpaan bersama golongan pendidik** akan diadakan dan sesi seumpama ini **akan diteruskan dengan kumpulan sasar yang lain pada tahun 2024**.

Ketiga: Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan **Anugerah Seri Melaka** bagi **meraikan tokoh anak Melaka yang menyumbang khidmat bakti di persada antarabangsa mahupun nasional**. Anugerah berkenaan diberikan kepada anak kelahiran Melaka dan mendapat pendidikan awal di negeri ini. Calon anugerah merupakan ikon dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, sukan, pendidikan dan hiburan. Hasrat Kerajaan Negeri agar tokoh-tokoh ini boleh bersama-sama menyumbang idea untuk pembangunan Negeri Melaka.

Inisiatif: Penstrukturran Semula Organisasi

124. Antara inisiatif penstrukturran semula organisasi adalah:

- Pertama:** **Penubuhan semula Majlis Keselamatan Jalan Raya** dengan implikasi kewangan berjumlah **100 ribu ringgit**.
- Kedua:** **Memperkasa peranan Invest Melaka Berhad sebagai Investment Promotion Agency** dengan implikasi kewangan berjumlah **500 ribu ringgit**.
- Ketiga:** **Memperluas peranan Bahagian Khidmat Musa'adah dan Pembangunan Belia bagi menyelaras program pembangunan belia.**

Inisiatif: Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan Inovasi

125. Mengambil kira kepentingan Penyelidikan dan Pembangunan serta inovasi dalam merangka dasar-dasar Kerajaan, Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif seperti berikut:

- Pertama:** **Institut Tun Perak** akan diperkuuhkan fungsinya **sebagai pusat penyelidikan kepada Kerajaan Negeri Melaka**. Institut Tun Perak akan melaksanakan kajian ke atas pencapaian dasar sedia ada dan dasar baharu yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.
- Kedua:** Pusat penyelidikan dan pembangunan yang dikenali sebagai **RICE Melaka @ UTeM** telah dilancarkan pada 13 Oktober 2023. Ia merupakan program usahasama Kerajaan Negeri bersama dengan UTeM. Kerajaan Negeri berharap *RICE Melaka @ UTeM* dapat menjadi peneraju kepada pembangunan bidang TVET dengan menggubal kurikulum TVET yang berdasarkan

kepada keperluan semasa dan masa hadapan. Implikasi kewangan kos operasi berjumlah **100 ribu ringgit**.

Ketiga: Bersekali dengan pelancaran *RICE Melaka @ UTEM*, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan **Bank Inovasi Melaka**. Ia merupakan platform perkongsian data inovasi melibatkan sektor awam, industri, penyelidik dan masyarakat untuk memacu inovasi dalam pelbagai sektor.

Inisiatif: Pemerkasaan Pemantauan Dan Penilaian Program dan Projek

126.Kerajaan Negeri menekankan aspek pemantauan dalam pengurusan program dan projek untuk memastikan semua projek pembangunan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan berteraskan ***Outcome Based Development***.

127.Negeri Melaka telah menerima pengiktirafan **Anugerah Khas Pembudayaan Penilaian Outcome sempena Majlis Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2023** yang diadakan pada 14 November 2023. Pengiktirafan ini diberikan kerana **Negeri Melaka** merupakan **satu-satunya negeri yang telah membudayakan penilaian outcome** dalam kitaran pengurusan projek pembangunan negeri **bermula** pada tahun **2020**.

STRATEGI 16: MEMPERKUKUH PERKHIDMATAN AWAM

128.Penjawat awam adalah tonggak kepada pelaksanaan dasar Kerajaan. Justeru itu, pengukuhan perkhidmatan awam amat signifikan untuk memastikan semua agenda pembangunan Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

Inisiatif: Pencapaian Perkhidmatan Awam

129.Pelbagai kejayaan telah dicapai, antaranya:

Pertama: **Sijil Bersih Laporan Ketua Audit Negara untuk Penyata Kewangan Negeri Melaka Tahun 2022.**

Kedua: **Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah** berjaya merangkul pelbagai anugerah antaranya:

- **Mewakili Malaysia bagi Anugerah ASEAN Clean Tourist City Standard (2024 – 2026) di Vientiane, Lao PDR sempena ASEAN Tourism Forum 2024.**
- **Anugerah Green World Award 2023 - Environmental Improvement Carbon Reduction in Government Global Gold Winner 2023 for Melaka Low Carbon City (MLCC) dan Sustainable Development in Government Global Silver Winner 2023 for Melaka Historic City Council Malaysia.**

Ketiga: Anugerah penghargaan **Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya** sebagai **SDG Cities** dan **Anugerah Standard Pelancongan ASEAN Tandas Awam (ASEAN Tourism Standard) MITC MPHTJ 2023 – 2024.**

Keempat: **Majlis Perbandaran Alor Gajah** turut merebut **Anugerah Penarafan SDG Cities, Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia** dan **Anugerah Pengiktirafan PBT Cemerlang Kempen Kesihatan KPCT 2023 Bagi Kempen Cegah Denggi Tahun 2023** sempena Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekutuan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.

Kelima: Selain itu, **Majlis Perbandaran Jasin** telah merangkul **Anugerah Pengiktirafan PBT Cemerlang Kempen Kesihatan KPCT 2023 bagi Kempen Pasar Awam Bersih Tahun 2023** sempena Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekutuan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.

Inisiatif: Pemerkasaan Integriti Penjawat Awam

130. Melaka merekodkan sebagai **negeri kedua terbaik bebas rasuah** di negara ini menerusi **Kajian Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam** oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

131. Pada tahun 2024, sejumlah **315 ribu ringgit** diperuntukkan bagi melaksanakan program-program **Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Anti Rasuah Peringkat Negeri Melaka**. Selain itu, Kerajaan Negeri juga komited untuk melaksanakan **Pensijilan MS ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management Systems** demi membendung gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan penjawat awam.

Inisiatif: Kebajikan Penjawat Awam

132. Sebagai tanda penghargaan kepada penjawat awam Negeri Melaka, inisiatif berikut akan dilaksanakan:

Pertama: Meneruskan **Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat** bagi penjawat awam bertaraf tetap berumur 45 tahun ke atas, dengan implikasi kewangan hampir **satu juta ringgit**.

Kedua: Kerajaan Negeri turut memanjangkan kemudahan **caruman KWSP dan PERKESO** kepada kakitangan lantikan **Kontrak untuk Perkhidmatan (CFS)** Jabatan Negeri, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dengan implikasi kewangan hampir **178 ribu ringgit**.

Ketiga: **Bantuan Khas Kewangan** untuk semua penjawat awam Negeri Melaka.

**Dari Kuala Linggi ke Pantai Puteri,
Terus bergerak ke Bukit Peringgit;
Setengah bulan hadiah diberi,
Paling kurang 2 ribu ringgit.**

**Terbang tinggi burung merpati,
Hinggap sebentar di pohon meranti;
Janganlah tuan puhan ternanti-nanti,
Februari dan Mac tahun hadapan pasti diberi.**

PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

133.Dalam konteks Kerajaan Perpaduan, demi memberikan khidmat yang terbaik untuk Negeri Melaka, rakyat dan negara tercinta, saya menyeru semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama mendokong Bajet 2024 ini.

...Akhirul kalam, saya ingin sampaikan 2 rangkap pantun untuk semua yang berada di dalam dewan yang mulia ini.

**Warisan Melayu asuhnya bersantun,
Mengenang budi saling berpesan;
Hebat bangsa tingginya tamadun,
Hharus bijak telusuri warisan.**

**Kain songket jadi hiasan,
Busana melayu indah terbilang;
Sejarah silam jadi teladan,
Harus berani kembalikan gemilang.**

*Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabakatuh.*

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadang.